SIRI TATABAHASA MELAYU

# KATA KERJA TRANSITIF

MOHAMED NAIM DAIPI

www.saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

saujana.sg

# kata kerja

Kata Kerja dalam Bahasa Melayu boleh digolongkan kepada dua, iaitu:

**KATA KERJA TRANSITIF**

**KATA KERJA TAK TRANSITIF**

saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

# kata kerja transitif

kata kerja yang diikuti objek untuk menjadi frasa kerja yang dapat bertugas sebagai predikat ayat. Biasanya objek tersebut terdiri daripada kata nama atau frasa nama. Contoh:

1 Kami sedang membaca buku.
2 Doktor muda itu membedah pesakit jantung.
3 Ayah melepaskan burung peliharaannya.
4 Polis itu menjalankan tugasnya dengan baik.
5 Pak Zubir mencipta lagu Semoga Bahagia.
6 Kasim hendak mengecat rumahnya.

www.saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

saujana.sg

# kata kerja transitif

Kata Kerja Transitif boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu:

## KATA KERJA TRANSITIF AKTIF

Kata kerja yang mengalami awalan meN- dengan atau tanpa akhiran -kan atau -i

## KATA KERJA TRANSITIF PASIF

Kata kerja yang mengalami transformasi atau perubahan. Biasanya kedudukan objek berubah menjadi subjek ayat

saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

# kata kerja transitif

## KATA KERJA TRANSITIF AKTIF

Kata kerja yang mengalami awalan meN- dengan atau tanpa akhiran -kan atau –i

- Kamil sedang menulis surat itu.
- Aku hendak mengecat rumahku.
- Kami melukis gambar pemandangan di tepi pantai itu.
- Dia menyusun buku itu di dalam almari itu.

## KATA KERJA TRANSITIF PASIF

Kata kerja yang mengalami transformasi atau perubahan. Biasanya kedudukan objek berubah menjadi subjek ayat.

- Surat itu sedang ditulis Kamil.
- Rumahku endak kucat.
- Gambar pemandangan di tepi pantai itu kami lukis.
- Buku itu di susunnya di dalam almari itu.

saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

# kata kerja transitif

## KATA KERJA TRANSITIF AKTIF

### MONOTRANSITIF
ekatransitif

**Kata kerja yang diikuti satu objek**

- Ibu menyisir rambut adik yang lebat itu.
- Askar yang gagah itu menembak musuhnya.

### BITRANSITIF
dwitransitif

**Kata kerja yang diikuti dua objek**

- Azman mencarikan aku pekerjaan.
- Wanita tua itu memasakkan kami makanan tengah hari.

### DITRANSITIF
semitransitif

**Kata kerja transitif yang tidak diikuti objek**

- Usahanya yang bertahun-tahun itu telah menjadi
- Pelajar-pelajar menengah tiga itu sedang makan.

www.saujana.sg

PENGGOLONGAN KATA

saujana.sg

# kata kerja transitif

## Latihan:

**Isikan tempat kosong dengan kata kerja transitif yang sesuai:**

1 Penarik beca ini ___________ topi.
2 Beliau sedang ___________ becanya.
3 Dua orang pelancong ini sedang _________ beca.
4 Mereka hendak ___________ bandar raya kita.
5 Mereka ___________ barang-barang mereka di atas beca itu.
6 Mereka ___________ terima kasih kepada pengayuh beca itu.

## Latihan:

**Isikan tempat kosong dengan kata kerja transitif yang sesuai:**

1 Abang hendak ______ duitnya ke dalam celengan.
2 Kakak ______ keretapi gerak cepat ke univerisiti.
3 Singapura ______ beras dari Thailand.
4 Presiden Amerika itu ______ lawatannya ke negeri itu kerana penunjuk perasaan tidak dapat dikawal.
5 Kementerian Taman dan Riadah berusaha untuk ______ alam sekitar.
6 British telah ______ negeri jajahannya kerana para pejuang kemerdekaan terus membuat desakan.

# TAMAT